

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

CATCH THE WELLNESS WAVE PROGRAM 5.0

LET'S TALK ABOUT HEALTH

CATCH THE WELLNESS WAVE PROGRAM 5.0

02 NOV 2022
9:00 PAGI - 12.00 T/HARI
DEWAN ASPIRASI,
UITM CAW. TERENGGANU (KAMPUS DUNGUN)

 PN NOOR AMIZA BINTI ISMAIL Ahli Farmasi, RPh 6988, Uni Farmasi Dungun TAJUK: Kolesterol: Pembunuh Senyap 9 Pagi - 10 Pagi	 DR NORDIANA BINTI SAIDIN Timb. Pengarah Hospital Dungun, Pegawai Perubatan UDS4 TAJUK: Top 5 Common Cancer in Women - How to Detect Early 10 Pagi - 11 Pagi	 DR ZAIZUL HAIRUDI BIN MOHD ZAIN Pegawai Perubatan UITM, 38664/2022 Konsultasi dan Rumusan Keputusan Saringan Kesihatan 11 Pagi - 12 T/Hari
---	---	---

MASMED **PANTAI** **UNIT KESIHATAN** **Uni FARMAS**
Integrating Medicine, Pharmacy and
PREMIER PATHOLOGY UTM

Catch The W

Progro

Oleh:

NOR HAMIZA MOHD GHANI

NIK FAZLIN HIRYATI NIK JAAFAR

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Emel Koresponden: norha825@uitm.edu.my

Program saringan kesihatan 'Catch the Wellness Wave Program 5.0' kali ini telah berlangsung dengan jayanya pada 26 dan 27 Oktober 2022 yang lalu dan taklimat kesihatan pula diadakan pada 2 November 2022. Program ini adalah hasil kolaborasi antara beberapa pihak iaitu antara MASMED dan Unit Kesihatan UiTM Cawangan Terengganu, Pantai Lab Sdn. Bhd., U.N.I Farmasi Dungun Sdn. Bhd., serta Unit Kesihatan Pergigian, Hospital Dungun. Seramai 63 orang peserta telah menyertai program saringan kesihatan kali ini dan hampir 100 orang menyertai program taklimat kesihatan yang diadakan di Dewan Aspirasi.

Program yang dirancang ini merupakan satu inisiatif dan landasan yang baik dalam menyebarkan informasi dan maklumat mengenai hal berkaitan kesihatan diri dalam kalangan warga UiTM khususnya dan masyarakat setempat lainnya. Pemeriksaan kesihatan adalah ujian perubatan yang dijalankan oleh doktor atau pakar perubatan untuk memeriksa keadaan kesihatan individu. Ia membantu mengesan sebarang tanda-tanda penyakit lebih awal dan menjadikannya lebih mudah serta lebih berkesan untuk mendapatkan rawatan apabila diperlukan. Pihak penganjur percaya pengetahuan tentang kesihatan amat penting kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan prestasi di tempat kerja.

Wellness Wave Program 5.0



Badan dan minda yang sihat pastinya akan menghasilkan produktiviti yang maksimum dalam memenuhi tuntutan kerja dan mencapai matlamat organisasi.

Program saringan kesihatan ini telah mendapat sambutan baik di antara staf UiTM, pelajar serta masyarakat setempat. Antara objektif program ini adalah menyebarkan ilmu pengetahuan tentang kesihatan seterusnya membantu kakitangan UiTM dan masyarakat sekeliling agar lebih cakna tentang kesihatan diri, menjadi pemangkin amalan hidup sihat yang akan menyumbang kepada produktiviti kerja yang cemerlang serta mengeratkan hubungan UiTM dengan masyarakat luar yang juga terlibat dengan program ini.

Program ini merupakan kerjasama kali ke lapan bersama Pantai Lab Sdn. Bhd. dan yang ke enam bersama U.N.I Farmasi Sdn. Bhd. Kedua-dua pihak menawarkan kepakaran masing-masing untuk saling

bekerjasama bagi menjalankan aktiviti khidmat masyarakat. 26 dan 27 Oktober 2022 merupakan hari pengambilan sampel darah dan urin peserta oleh pihak Pantai Lab Sdn. Bhd. yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Unit Sukan UiTM Cawangan Terengganu. Bagi pengambilan keputusan





pula diadakan pada 2 November berserta taklimat kesihatan oleh pakar kesihatan di Dewan Aspirasi.

Taklimat kesihatan yang disampaikan oleh Puan Nooramiza Ismail, Ahli Farmasi daripada U.N.I Farmasi dan Dr. Nordiana Binti Saidin, Timbalan Pengarah Hospital Dungun sangat menarik perhatian pengunjung yang hadir ke dewan. Tajuk yang dipilih semasa taklimat kesihatan adalah Kolesterol: Pembunuh Senyap dan Top 5 Common Cancer in Women: How to Detect Early. Program yang bermanfaat ini telah dikendalikan oleh Encik Khalid Amin bin Mat sebagai pengacara majlis. Selain daripada taklimat program kesihatan berlangsung, terdapat juga pameran ubat-ubatan, pemeriksaan kesihatan serta pemeriksaan gigi secara percuma di luar dewan.

Program yang diadakan setiap tahun ini akan ditambah baik lagi bagi menggalakan staf, pelajar serta masyarakat setempat amnya akan kesedaran melakukan program saringan kesihatan. Kesihatan perlu dipantau setiap masa dan bukan hanya mendapat rawatan ketika sakit dikenal pasti. Bak

kata pepatah "mencegah lebih baik dari mengubati" perlu diterapkan dalam diri supaya kita sentiasa peka dengan kesihatan. Oleh itu, kita perlu mencegah daripada diinggapi penyakit kerana apabila sudah berpenyakit, ia adalah lebih susah untuk dipulihkan.

...





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com